



## KENYATAAN MEDIA

### PERMULAAN PERSEKOLAHAN PERINGKAT KEDUA FASA ENDEMIK: PEMBUKAAN SEMULA TADIKA

**Khamis, 13 Januari 2022** – Sebagaimana yang kita sama-sama maklumi, sesi persekolahan penggal pertama bagi sesi akademik tahun 2022 bagi semua sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam serta sekolah-sekolah swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan telah bermula pada hari Isnin, 29 Jamadilawal 1443 bersamaan 3 Januari 2022 di mana bagi pelajar-pelajar Tahun 10 hingga 13 sesi pengajaran dan pembelajaran telah dimulakan secara fizikal sebanyak lima (5) kali dalam seminggu.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, sekolah-sekolah menengah juga dijadualkan akan mula menerima kehadiran pelajar-pelajar Tahun 7 hingga Tahun 9 pada peringkat kedua pembukaan institusi pendidikan di fasa awal endemik ini dengan mengikuti Prosedur Operasi Standard (*SOP*) yang telah diamalkan di sekolah-sekolah berkenaan.

Dalam perkara ini, turut dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar ini akan dikehendaki menjalani ujian saringan COVID-19 menggunakan *Antigen Rapid Test (ART)* seminggu sekali. Garis panduan mengenai perkara ini boleh dirujuk di laman sesawang dan media sosial Kementerian Pendidikan.

Pada peringkat kedua pembukaan institusi-institusi pendidikan di fasa awal endemik ini, yang akan bermula pada 14 Jamadilakhir 1443 bersamaan 17 Januari 2022 nanti, sesi pengajaran dan pembelajaran secara fizikal akan turut dibukakan untuk kanak-kanak tadika atau *kindergarten* di bawah kawalan Kementerian Pendidikan khususnya peringkat tadika 1 dan tadika 2 iaitu pelajar yang berumur antara 3 dan 4 tahun. Pusat-pusat Tadika atau *Kindergarten* ini boleh beroperasi dengan kapasiti kehadiran pelajar tidak melebihi 30 peratus kapasiti dengan kekerapan sebanyak lima (5) kali dalam seminggu.

Walau bagaimanapun, bagi menjaga keselamatan pelajar-pelajar serta warga sekolah, pembukaan pusat-pusat tadika di peringkat ini adalah dibenarkan dengan pematuhan kepada garis panduan dan Prosedur Operasi Standard atau *SOP* yang ketat. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Swasta akan memantau pelaksanaan *SOP* yang telah ditetapkan bagi memastikan sekolah-sekolah berkenaan telah pun bersedia.

Sukacita juga dikongsikan rumusan hasil tinjauan dan pemantauan semasa permulaan sesi persekolahan di peringkat pertama pembukaan institusi-institusi pendidikan pada fasa awal endemik ini di mana pada minggu pertama iaitu dari 3 Januari hingga 8 Januari 2022, seramai 14,284 pelajar-pelajar Tahun 10 hingga 13 telah hadir ke sekolah secara fizikal dan menjalankan ujian saringan ART yang mana telah didapati dua (2) kes *false positive* di mana keputusan ujian PCR yang dilaksanakan adalah negatif.

Manakala pada minggu kedua iaitu 10 Januari hingga hari ini, 12 Januari 2022, jumlah pelajar-pelajar yang telah menjalani ujian saringan ART adalah seramai 15,030 setakat 1 petang tadi di mana terdapat tiga (3) kes *false positive* di mana keputusan ujian PCR yang dilaksanakan adalah negatif.

Pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan menunjukkan kelancaran SOP keselamatan dan proses ujian ART di sekolah-sekolah menengah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam. Dalam hubungan ini, sukacita merakamkan penghargaan dan berbanyak terima kasih di atas komitmen tinggi para pemimpin sekolah dan tenaga-tenaga pengajar yang bertugas serta ibu bapa dan penjaga dalam memastikan keselamatan para pelajar dan warga sekolah, dan pematuhan SOP yang ditetapkan adalah sempurna diikuti. Kerjasama dan sokongan padu para ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan adalah memainkan peranan penting ke arah kelancaran pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar dalam sama-sama melindungi agar pembelajaran dan pengajaran secara fizikal ini dapat dijalankan secara berterusan dalam keadaan yang selamat dan teratur.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/115

Tarikh: 9 Jamadilakhir 1443H / 12 Januari 2022

